

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP**  
**KAWASAN : SEKIJANG**  
**TARIKH : 19.03.2014**  
**NO. SOALAN : 29**

**YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-**

- a) Apakah pendirian Kerajaan tentang ekonomi Malaysia di masa akan datang memandangkan lebih banyak pelaburan datang daripada sektor perkhidmatan; dan**
- b) Berapakah jumlah statistik pelaburan sejak tahun 2010-2013 mengikut sektor.**

**Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Sektor perkhidmatan merupakan komponen penting dalam ekonomi Negara dan telah menyumbang sebanyak 55 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2013.

Pada tahun 2013, pelaburan dalam sektor perkhidmatan adalah sebanyak RM144.7 bilion iaitu meningkat sebanyak atau 17.6 peratus berbanding tahun 2012 dengan pelaburan berjumlah RM122.9 bilion. Ini telah membuktikan usaha-usaha Kerajaan dalam memajukan sektor perkhidmatan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi di Malaysia supaya terus membuahkan hasil. Sektor ini dijangka akan dapat meningkatkan sumbangan serta menambah satu dimensi baru kepada ekonomi negara.

Kerajaan akan terus meningkatkan usaha-usaha untuk mempromosi dan membangunkan sektor perkhidmatan dalam melengkapkan pertumbuhan dan pembangunan sektor perkilangan di negara ini. Kerajaan mensasarkan untuk meneroka sepenuhnya potensi sektor perkhidmatan dan meningkatkan sumbangannya kepada 67 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) menjelang tahun 2020 seperti yang disasarkan di bawah Program Transformasi Ekonomi.

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan agensinya iaitu Lembaga Pembangunan Pelaburan

Malaysia (MIDA) sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah proaktif dan agresif bagi meningkatkan daya saing serta menambahbaik strategi penggalakan pelaburan dalam sektor perkhidmatan.

- a) Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada pelaburan yang diluluskan pada tahun 2013 dengan nilai sebanyak RM144.7 bilion atau 67 peratus, diikuti oleh sektor perkilangan dengan nilai sebanyak RM52.1 bilion atau 24 peratus dan sektor utama dengan nilai sebanyak RM19.7 bilion atau 9 peratus.

Bagi tahun 2013, pelaburan dalam sektor perkhidmatan yang berjumlah RM144.7 bilion telah menjana sejumlah 4,796 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan tersebut, RM125.7 bilion atau 87 peratus merupakan pelaburan domestik manakala RM18.9 bilion atau 13 peratus adalah pelaburan asing.

Bagi tempoh yang sama, subsektor hartanah telah menarik pelaburan terbesar iaitu sebanyak RM83.3 bilion, diikuti oleh subsektor utiliti sebanyak RM9.1 bilion, hab operasi global sebanyak RM7.9 bilion, pengangkutan sebanyak RM7.9 bilion serta hotel dan pelancongan sebanyak RM7 bilion.

Bagi tempoh 2010 hingga 2013 pula, sejumlah RM374.7 billion pelaburan dalam sektor perkhidmatan dengan 18,677 projek telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM321.6

bilion merupakan pelaburan tempatan (86%) manakala RM53.1 bilion adalah pelaburan asing (14%). Pelaburan dalam sektor perkhidmatan ini telah menjana sejumlah 297,570 peluang pekerjaan.

Bagi tempoh yang sama, subsektor hartanah telah menarik pelaburan terbesar iaitu sebanyak RM165.9 bilion, diikuti oleh subsektor pengangkutan sebanyak RM33.9 bilion, utiliti sebanyak RM32.8 bilion, telekomunikasi sebanyak RM31.4 bilion, hotel dan pelancongan sebanyak RM20.4 bilion, perkhidmatan kewangan sebanyak RM15.2 bilion, perkhidmatan pendidikan sebanyak RM6.9 bilion dan perkhidmatan kesihatan sebanyak RM3.5 bilion.